# UPM beri kesedaran kanser kepada masyarakat orang asli Penderas

Oleh: Salimah Japar




KUALA KRAU - 17 staf Jabatan Kejururawatan dan Rehabilitasi bersama 36 orang pelajar Bacelor Kejururawatan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK), UPM menganjurkan program kesedaran kanser kepada masyarakat Orang Asli di Penderas.

Penasihat program, Pensyarah Kejururawatan, FPSK UPM, Rosna Abdul Raman berkata program yang bertemakan "Kesedaran Kanser Bersama Warga Pederas 2017" bertujuan untuk memberi kesedaran dan meningkatkan pengetahuan peserta berkaitan penyakit kanser.

"Penyertaan yang aktif pada kali ini adalah petunjuk daya minat komuniti Penderas terhadap program yang berunsur penjagaan kesihatan serta menjadi motivasi kepada staf dan pelajar Jabatan Kejururawatan dan Rehabilitasi untuk meneruskan usaha dalam menerapkan amalan gaya hidup sihat kepada masyarakat," katanya.




LIHAT JUGA


UPM-The Holstein Milk Company Sdn. UPM-ICoE Dairy Farm (/berita/upm_the_holstein_milk_compa... uh_upm_icoe_dairy_farm-33295)


UPM tuan rumah Konvensyen Rukun I (/berita/upm_tuan_rumah_konvensyen... 2017-33237)


Pelajar UPM ikuti kursus teknikal Peng Tanah (/berita/pelajar_upm_ikuti_kursus_tekn... _sumber_tanah-33233)

pertanyaan selanjutnya

Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
1800 22 5587
+603 8948 7273
@ marketing@upm.edu.my (mailto:marketing@upm.edu.my)

B1503374364

Program itu diadakan bagi merapatkan hubungan di antara UPM dan warga Penderas serta meningkatkan kemahiran insaniah, keprihatinan dan tanggungjawab sosial di kalangan pelajar dan kakitangan jabatan.

Program itu disertai lebih daripada 270 penduduk Orang Asli di dua buah kampung di daerah Kuala Krau, Pahang dan diadakan di Sekolah Kebangsaan Penderas iaitu sekolah angkat FPSK sejak tahun 2016.

Pelajar Bacelor Kejururawatan Tahun Satu, FPSK UPM, Dzulhakim Dzulkipli berkata program itu memberikan pendedahan awal kepada beliau untuk menganjurkan program kerjasama bersama staf dan pelajar.

"Program ini membina keyakinan saya untuk berucap di hadapan orang ramai apabila telah dilantik menjadi pengacara program tersebut dan saya mendapat pengetahuan mengenai penyakit kanser," katanya.

Pelbagai aktiviti disediakan seperti saringan kesihatan, lot pameran lima penyakit kanser utama di Malaysia, permainan kesihatan serta sesi karaoke. - UPM



Kemaskini:: 18/08/2017 [hairul_nizam]

**PERKONGSIAN MEDIA**

(https://www.addtoany.com/share#url=http%3A%2F%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Fupm_beri_kesedaran_kanser_kepada_masyarakat_orang_asli_penderas-33176&title=UPM%20Beri%20Kesedaran%20Kanser%20Kepada%20Masyarakat%20Orang%20Asli%20Penderas%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia)
(/#facebook) (/#twitter) (/#google_plus) (/#linkedin)
(/#email) (/#copy_link) (/#wordpress) (/#print)

**HUBUNGI KAMI**

**Universiti Putra Malaysia**
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

1800 22 5587

+603 8948 7273

marketing@upm.edu.my



© 2017 Universiti Putra Malaysia

LANGGAN MELALUI EMAIL Emel anda HANTAR

B1503374364

B1503374364